





# 2

## PERSEPSI PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TERHADAP ETIKA PEPERIKSAAN: SATU TINJAUAN AWAL

MAISARAH MOHAMED SAAT, HAPRIZA ASHARI,  
UNGKU NORULKAMAR UNGKU AHMAD

### PENGENALAN

Perkataan etika secara amnya merujuk kepada kaedah dan prinsip dalam membentuk kelakuan yang betul dan salah, atau kelakuan yang baik dan jahat. Etika merupakan nilai dan sikap yang terbentuk dalam diri seseorang. Ia menentukan gerak-geri dan tingkah laku seseorang individu. Individu yang beretika mempunyai sikap yang baik serta melakukan tindakan yang baik (Mohd Janib, 1994). Isu etika bukan sahaja relevan dalam bidang perniagaan, guaman, pemasaran, kewangan, perakaunan, teknikal dan bidang profesional yang lain, bahkan sentiasa relevan dalam kehidupan seharian. Perbandingan nilai etika merentang budaya menjadi semakin signifikan sejak akhir-akhir ini disebabkan oleh era globalisasi, integrasi ekonomi dan pengantarabangsaan perniagaan yang membawa kepada peningkatan jalinan kerja di seluruh dunia (Gbadamosi, 2004). Ini kerana pengaruh budaya dan perbezaan nilai dalam sesuatu budaya atau masyarakat menimbulkan konflik etika dalam diri individu.

Di Malaysia, pendidikan etika dan moral mula didedahkan kepada pelajar sejak hari pertama di sekolah. Mereka diajar tentang nilai-nilai murni universal serta perlakuan yang boleh diterima dalam konteks agama, masyarakat dan budaya. Di peringkat yang lebih tinggi, universiti dilihat sebagai satu institusi yang dihuni oleh



sekumpulan cendekiawan dan manusia yang berpengetahuan tinggi. Kumpulan ini dianggap oleh masyarakat sebagai penjana kepada pertumbuhan kualiti dari segi ekonomi dan sosial. Graduan yang dikeluarkan oleh universiti merupakan generasi yang bakal menjadi pemimpin, baik pemimpin organisasi, komuniti sosial maupun pemimpin negara. Golongan ini bakal menentukan nilai moral masyarakat dan mempengaruhi gaya hidup sosial masa hadapan. Golongan ini juga bakal merealisasikan cabaran keempat dalam Wawasan 2020 yang menegaskan bahawa pentingnya mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Dalam bidang akademik, persaingan yang semakin sengit merupakan salah satu sebab pelajar cenderung untuk melakukan perbuatan yang tidak beretika. Ada golongan pelajar yang mengaku bahawa mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai matlamat utama iaitu memperolehi ijazah. Tambahan lagi, di dada-dada akhbar hari ini, banyak dilaporkan insiden pecah amanah dan amalan tidak beretika di kalangan mereka yang berpengaruh, berkedudukan tinggi dan berpengetahuan tinggi. Oleh itu, sebilangan pelajar merujuk kepada contoh yang tidak baik ini sebagai ‘scapegoat’ atau kambing hitam. Inikah generasi yang hendak kita lahirkan untuk memimpin negara dan dunia? (Maisarah, 2003).

Menurut Rawwas dan Isakson (2000), penipuan akademik oleh pelajar universiti merupakan satu isu yang ketara, namun ia jarang dilaporkan oleh ahli akademik. Kajian dalam salah laku peperiksaan jarang dilaksanakan, mungkin disebabkan oleh kepercayaan bahawa ia akan menjaskankan reputasi institusi yang dikaji (Gbadamosi, 2004). Namun demikian isu etika adalah sangat relevan dalam setiap pembuatan keputusan, terutamanya yang berkait dengan pekerjaan. Adalah diandaikan, jika pelajar mempunyai etika yang rendah terhadap peperiksaan, ini merupakan ‘amaran awal’ tentang sikap



mereka dalam kerjaya pada masa hadapan. Oleh itu, adalah penting kajian terhadap etika peperiksaan pelajar dilaksanakan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian yang dilaksanakan adalah berlandaskan objektif berikut:

- (i) Mengkaji tahap etika peperiksaan pelajar.
- (ii) Mengenal pasti perbezaan persepsi pelajar terhadap etika peperiksaan berdasarkan faktor jantina, bangsa, tahun pengajian, agama dan bidang pengajian.

## **KAJIAN LITERATUR**

Banyak kajian ilmiah yang dilakukan terhadap pelajar universiti adalah berkaitan dengan salah laku plagiat dalam melaksanakan tugas atau salah laku akademik secara umum. Tidak banyak kajian yang melihat khusus kepada etika peperiksaan. Hasil kajian Lambert et.al. (2003) melaporkan bahawa salah laku akademik di kalangan pelajar universiti adalah di peringkat yang membimbangkan. Pelajar yang dikaji mengaku bahawa mereka melanggar etika akademik dan menyedari bahawa rakan mereka juga melakukan kesalahan yang sama. Walau bagaimanapun, sebilangan besar daripada responden kajian memberi alasan bahawa mereka tidak tahu perlakuan tersebut melanggar etika akademik. Kajian ini juga mendapati pelajar lelaki lebih cenderung melakukan kesalahan etika berbanding pelajar perempuan. Faktor umur didapati tidak mempengaruhi persepsi mereka dalam salah laku akademik. Walau bagaimanapun, faktor etnik atau bangsa menunjukkan perbezaan persepsi tentang penipuan iaitu antara pelajar New Zealand, Eropah dan Asia di mana pelajar Asia lebih cenderung untuk mengatakan bahawa sesuatu kesalahan itu sebagai bukan salah laku etika.



Dari segi jantina, kajian yang melihat faktor ini terhadap etika pelajar menghasilkan rumusan yang pelbagai. Goode (1999) menegaskan bahawa dalam kajian kontemporari, tiada perbezaan antara pelajar lelaki dengan perempuan dalam kecenderungan melakukan salah laku akademik.

Hasil kajian oleh Ameen et.al. (1995) menunjukkan bahawa lebih separuh (56%) daripada pelajar mengaku mereka pernah menipu dalam peperiksaan dan melaksanakan kerja kursus. Kajian ini menyimpulkan bahawa salah laku etika akademik merupakan satu perkara yang biasa di kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, hanya 6% mengaku pernah ditangkap kerana kesalahan menipu. Menurut responden, salah satu sebab mereka sanggup melakukan kesalahan ini ialah kurangnya peranan pensyarah dalam menekankan aspek etika dan peraturan akademik. Mereka tahu pensyarah tidak mahu terlibat dengan urusan ‘penangkapan’ yang dianggap menyusahkan. Ini menyebabkan pelajar percaya bahawa risiko ditangkap akibat salah laku akademik adalah rendah.

## METOD KAJIAN

Data bagi kajian ini dikumpul melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar Universiti Teknologi Malaysia. Etika peperiksaan diukur berdasarkan 9 item yang diubahsuai daripada soal selidik yang digunakan dalam kajian Gbadamosi (2004). Tahap persetujuan responden untuk setiap item diukur menggunakan skala lima mata Likert.



Seramai 44 orang pelajar telah menjadi responden kajian. Mereka terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan daripada pelbagai bangsa dan agama. Mereka adalah dalam tahun pengajian satu hingga empat daripada bidang sains, sains sosial dan teknikal. Tahap etika peperiksaan responden dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu min manakala perbezaan persepsi pelajar terhadap etika peperiksaan dianalisis menggunakan ujian-t dan ANOVA.

## **KEPUTUSAN KAJIAN**

### **Demografi Responden**

Majoriti responden (61.4%) kajian ini adalah pelajar perempuan. Lebih separuh daripada responden (63.6%) berumur 21 tahun ke atas. Responden teramai (75%) adalah responden Melayu diikuti dengan responden Cina dan yang paling sedikit adalah responden India. Oleh itu, adalah tidak menghairankan jika responden beragama Islam merupakan majoriti responden (77.3%) kajian ini.

Daripada aspek tahun pengajian, pelajar tahun satu dan tahun tiga merupakan responden teramai dengan masing-masing mewakili 31.8 peratus daripada responden kajian. Dapatkan hasil kajian menunjukkan taburan responden berdasarkan bidang pengajian adalah agak sekata yang mana pelajar sains sosial mewakili responden teramai (36.4%). Jadual 1 menunjukkan secara terperinci data demografi responden.



| FAKTOR                  | KEKERAPAN | PERATUS |
|-------------------------|-----------|---------|
| <u>Jantina</u>          |           |         |
| Lelaki                  | 17        | 38.6    |
| Perempuan               | 27        | 61.4    |
| <u>Umur</u>             |           |         |
| > 20 tahun              | 16        | 36.4    |
| 21 tahun ke atas        | 28        | 63.6    |
| <u>Bangsa</u>           |           |         |
| Melayu                  | 33        | 75.0    |
| Cina                    | 8         | 18.2    |
| India                   | 3         | 6.8     |
| <u>Agama</u>            |           |         |
| Islam                   | 34        | 77.3    |
| Buddha                  | 4         | 9.09    |
| Hindu                   | 3         | 6.8     |
| Kristian                | 3         | 6.8     |
| <u>Tahun Pengajian</u>  |           |         |
| Tahun 1                 | 14        | 31.8    |
| Tahun 2                 | 6         | 13.6    |
| Tahun 3                 | 14        | 31.8    |
| Tahun 4                 | 10        | 22.7    |
| <u>Bidang Pengajian</u> |           |         |
| Teknikal                | 14        | 31.8    |
| Sains Sosial            | 16        | 36.4    |
| Sains                   | 14        | 31.8    |

**Jadual 1:** Demografi Responden



## **Analisis Persepsi Pelajar Terhadap Etika Peperiksaan**

Dapatkan kajian menunjukkan tahap etika peperiksaan responden berada pada tahap sederhana ( $\text{min} = 3.50$ ). Seramai 79.5 peratus responden mengatakan mereka tidak meniru semasa menjawab soalan ujian atau peperiksaan. Nilai  $\text{min}$  bagi item ini adalah pada tahap tinggi, iaitu 4.27. Walau bagaimanapun, hanya 50 peratus responden sahaja yang mengatakan mereka tidak pernah meniru semasa peperiksaan. Ini menunjukkan pelajar mungkin pernah meniru semasa peperiksaan sepanjang tempoh pengajian namun tidak dilakukan secara berterusan. Di samping itu, kebanyakan responden (70.5%) mengatakan mereka berbincang dengan rakan mengenai soalan ujian atau peperiksaan. Namun, 29.5 peratus responden pula mengatakan sebaliknya. Kajian juga mendapati majoriti responden (81.8%) bersetuju mereka tidak membawa nota ke dalam dewan peperiksaan. Bagi item ini, tahap etika peperiksaan mereka berada pada tahap tinggi ( $\text{min} = 4.27$ ).

Sebanyak dua pertiga (68.2%) responden mengatakan mereka meminta bantuan pengawas peperiksaan jika menghadapi masalah dalam dewan peperiksaan. Nilai  $\text{min}$  bagi item ini berada pada tahap tinggi iaitu 3.82. Seramai 63.6 peratus responden bersetuju bahawa mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk lulus di dalam peperiksaan. Selain itu, hasil kajian mendapati kebanyakan responden (72.7%) bersetuju bahawa kepercayaan agama mempunyai kaitan dengan etika peperiksaan. Ini juga dapat dilihat daripada perolehan  $\text{min}$  etika peperiksaan bagi item ini yang berada pada tahap tinggi iaitu 3.91.

Hanya 22.7 peratus pelajar yang bersetuju bahawa menjadi tanggungjawab mereka untuk mengambil tahu salah laku pelajar lain. Ini disokong dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa hanya 36.4 peratus pelajar sahaja yang bersetuju mereka akan membuat aduan jika ternampak pelajar lain meniru. Taburan terperinci berkaitan persepsi pelajar terhadap etika peperiksaan ditunjukkan di dalam jadual 2.



| Soalan/Item   | STS        | TS          | KS          | S           | SS          | Min  |
|---|------------|-------------|-------------|-------------|-------------|------|
| 1. Saya tidak meniru semasa menjawab soalan ujian / peperiksaan.                              | 1<br>2.3%  | 1<br>2.3%   | 7<br>15.9%  | 11<br>25.0% | 24<br>54.5% | 4.27 |
| 2. Saya tidak berbincang dengan rakan mengenai soalan ujian / peperiksaan.                    | 6<br>13.6% | 18<br>40.9% | 7<br>15.9%  | 11<br>25.0% | 2<br>4.5%   | 2.66 |
| 3. Saya tidak membawa nota ke dalam dewan peperiksaan.  | 1<br>2.3%  | 3<br>6.8%   | 4<br>9.1%   | 11<br>25.0% | 25<br>56.8% | 4.27 |
| 4. Saya meminta bantuan pengawas peperiksaan jika menghadapi masalah dalam dewan peperiksaan. | 1<br>2.3%  | 2<br>4.5%   | 11<br>25.0% | 20<br>45.5% | 10<br>22.7% | 3.82 |
| 5. Pelajar tidak semestinya lulus peperiksaan dengan apa cara sekali pun.                     | 6<br>13.6% | 12<br>27.3% | 10<br>22.7% | 4<br>9.1%   | 12<br>27.3% | 3.09 |
| 6. Kepercayaan agama ada kaitan dengan etika peperiksaan.                                     | 2<br>4.5%  | 6<br>13.6%  | 4<br>9.1%   | 14<br>31.8% | 18<br>40.9% | 3.91 |
| 7. Saya tidak pernah meniru semasa peperiksaan.   | 1<br>2.3%  | 3<br>6.8%   | 18<br>40.9% | 9<br>20.5%  | 13<br>29.5% | 3.68 |
| 8. Saya bertanggungjawab untuk mengambil tahu salah laku pelajar lain.                        | 5<br>11.4% | 10<br>22.7% | 19<br>43.2% | 8<br>18.2%  | 2<br>4.5%   | 2.82 |
| 9. Saya membuat aduan kepada pengawas peperiksaan jika ternampak pelajar lain meniru.         | 5<br>11.4% | 10<br>22.7% | 13<br>29.5% | 12<br>27.3% | 4<br>9.1%   | 3.00 |

**Jadual 2:** Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Etika Peperiksaan



## KESIMPULAN

Masalah peniruan dan plagiat di kalangan pelajar universiti merupakan antara masalah yang telah lama wujud dalam dunia akademik dan ironiknya, kajian terkini menunjukkan masalah ini semakin ketara (Moore, 2002). Oleh itu, perhatian yang serius perlu diberikan kepada etika pelajar universiti ini kerana mereka merupakan pemimpin negara pada masa hadapan. Jika pelajar mempunyai masalah etika di peringkat universiti, bagaimana mereka mampu untuk menerajui sesebuah organisasi atau memimpin masyarakat, dengan cabaran global dan persaingan yang semakin sengit?

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan tahap etika peperiksaan pelajar Universiti Teknologi Malaysia berada pada tahap sederhana. Ini memerlukan perhatian bukan sahaja pelajar, tetapi juga pensyarah dan pihak universiti sendiri. Secara idealnya, dalam setiap kelas, tanpa mengira kelas apa pun, seseorang pensyarah memainkan peranan untuk menerapkan sistem nilai dalam diri seorang pelajar. Para pelajar ini perlu didedahkan tentang bagaimana untuk mengenal pasti dan bertindak balas apabila berhadapan dengan konflik dan dilema etika. Selain daripada itu, pensyarah mempunyai peranan, bukan sahaja mempertahankan integriti mereka dan menunjukkan teladan yang baik, tetapi juga tegas dengan mengambil tindakan ke atas perbuatan pelajar yang tidak beretika. Jika pensyarah yang mengawas peperiksaan hanya ‘tutup sebelah mata’ apabila terlihat pelajar cuba meniru atau hanya memberi amaran apabila menangkap pelajar yang meniru, senario ini mungkin akan menyebabkan budaya meniru atau salah laku etika peperiksaan menjadi lebih parah.

Kajian ini juga mendapati tiada perbezaan yang signifikan pada tahap etika peperiksaan pelajar lelaki dan perempuan. Ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh McNichols dan Zimmerer (1985), Harris (1989) dan Davis dan Welton (1991) yang mendapati tiada perbezaan signifikan pada persepsi pelajar



terhadap tingkah laku beretika di antara lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian O'Leary dan Radich (2001) yang mendapati lelaki bertindak secara tidak beretika empat kali ganda lebih daripada perempuan dan dapatan kajian Borkowski dan Ugras (1998) yang mendapati perempuan lebih beretika daripada lelaki. Ini menunjukkan bahawa perbezaan tahap etika berdasarkan jantina adalah bergantung kepada situasi.

Bagi perbezaan berdasarkan faktor demografi, didapati hanya faktor bangsa menunjukkan perbezaan yang signifikan ( $p < 0.05$ ). Kajian menunjukkan pelajar Cina cenderung untuk tidak melakukan kesalahan etika di dalam peperiksaan berbanding pelajar bangsa lain. Ini mungkin disebabkan oleh faktor prestasi akademik pelajar tersebut yang secara umumnya baik atau boleh disebabkan oleh faktor keyakinan pelajar. Dengan kata lain, pelajar mungkin merasakan mereka tidak perlu meniru/menipu jika mereka yakin boleh menjawab peperiksaan dengan baik. Namun, tiada perbezaan yang signifikan bagi faktor jantina, tahun pengajian, agama dan bidang pengajian.

Pelajar universiti ini memerlukan banyak lagi pengetahuan dan pendedahan tentang etika, baik etika universal mahupun etika profesional. Pelajar perlu diajar bahawa ‘matlamat tidak boleh menghalalkan cara’. Walau sekecil manapun keputusan yang dibuat, pelajar perlu melatih diri mengambil keputusan yang beretika (Maisarah, 2003). Ada pengkaji mencadangkan forum berkaitan etika perlu diadakan pada setiap awal semester untuk memupuk kesedaran etika di kalangan pelajar, sekaligus menunjukkan penekanan universiti tentang etika. Forum ini perlu menerangkan apa yang dikatakan perlakuan tidak bermoral dan tidak beretika dalam akademik serta menerangkan kesan tindakan perlakuan tersebut terutamanya penipuan dalam peperiksaan. Forum ini juga perlu mencadangkan teknik-teknik mencegah perlakuan tidak beretika, pembinaan integriti akademik dan menerangkan hukuman-hukuman terhadap perbuatan tidak beretika. Yang penting, pelajar sendiri harus berusaha meningkatkan kesedaran



mereka tentang perlakuan etika. Nilai diri dan kekuatan dalaman perlu ada dalam setiap individu bagi memastikan mereka ‘selamat’ daripada pengaruh negatif.

## RUJUKAN

- Ameen, E.C., Guffey, D.M. dan McMillan J.J. (1996). “Accounting Students’ Perceptions Of Questionable Academic Practices And Factors Affecting Their Propensity To Cheat”. *Accounting Education* 5 (3).
- Ajzen, and Fishbein, M (1975), “Understanding Attitude and Predicting Behavior,” dlm Philipchalk, R.P(1995). “Invention to Social Psychology”.USA: Harcourt Brace and Company
- Bayles, M.D (1998), “Professional Ethics”, California : Wadsworth Publishing. Co.
- Borkowski, S.C. dan Ugras, Y.J (1998). “Business Students and Ethics: A Meta-Analysis”, *Journal of Business Ethics*, 17(11), pp. 1117-1127.
- Davis, J.R. and Welton, R.E. (1991). “Business Ethics: Business Students’ Perceptions”, *Journal of Business Ethics*, 6, pp. 451-463.
- Gbadamosi, G.(2004). “Academic Ethics: What Has Morality, Culture And Administration Got To Do With Its Measurement?” *Management Decision*. Vol 42 pg. 1145-1161.
- Hai Yap Teoh, Serang, D.P. dan Chooi Choo Lim (1999). “Individualism-Collectivism Cultural Differences Affecting Perceptions Of Unethical Practices: Some Evidence From Australian And Indonesian Accounting Students”. *Teaching Business Ethics* 3.
- Harris, J.R. (1989). “Ethical Values and Decisions Processes of Male and Female Business Students”, *Journal of Education for*



- Business**, 8, pp.234-238.
- Lambert, K., Ellen, N. dan Taylor, L. (2003). "Cheating – What Is It And Why Do It: A Study In New Zealand Tertiary Institutions Of The Perceptions And Justifications For Academic Dishonesty". *Journal Of American Academy Of Business*. Vol. 3 Issue 1/2.
- Maisarah Mohamed Saat (2003). "Kesedaran Etika Di Kalangan Pelajar UTM". *Research Prosiding SEMACC* 2003.
- McNichols, C.W. dan Zimmerer, T.W. (1985). "Situational Ethics: An Empirical Study of Differentiators of Student Attitudes", *Journal of Business Ethics*, 4, pp.175-180.
- Mohd Janib Johari (1994). Moral "Etika Profesional", Universiti Teknologi Malaysia:  
Unit Penerbitan Akademik
- Moore, B. J. (2002). "Truth or Consequences", *About Campus*, September-October, pp.25 - 28
- O'leary, C. and Radich, R. (2001). "An Analysis of Australian Final Year Accountancy Students' Ethical Attitudes", *Teaching Business Ethics*, 5, pp. 235-249.